



# UMP dekati masyarakat melalui kempen Sikamat Sihat

Berita Harian (Pendidikan) 25/7/2022

Oleh: Mohd Amin Jalil  
bhpendidikan@bh.com.my

**Seremban:** Menyambung pengajian ke institut pengajian tinggi (IPT) tidak bermaksud hanya fokus kepada pengajian semata-mata sebaliknya tempoh itu seharusnya digunakan juga untuk mendekati masyarakat.

Justeru aktiviti kesukarelawan sudah menjadi identiti pelajar IPT sejak dahulu. Hal ini diakui 40 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang meluangkan masa berkunjung ke Sikamat di Negeri Sembilan bagi menjayakan program Kempen Sikamat Sihat.

Program bercorak kemasyarakatan itu juga diadakan dengan tujuan menyemai budaya hidup sihat dan melestarikan persekitaran. Ia juga adalah sebahagian elemen penting kepada pembentukan keluarga sejahtera.

Pengarah program, Muhammad Kamal Fitri Nasruddin, berkata program dijayakan bersama Sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan (SEMANIS) dengan ker-

jasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Pejabat Kesihatan Daerah Seremban di Balai Raya Sikamat di sini.

"Penyertaan mahasiswa dalam aktiviti begini bagi mendekatkan lagi mereka dengan masyarakat dan memahami realiti kehidupan sebenar."

"Selain tumpuan kepada pengajian, program sebegini adalah peluang menanamkan kesedaran kepada generasi muda di lokaliti

ini mengenai kepentingan pendidikan," katanya.

## Pelbagai aktiviti

Menerusi program itu juga pelbagai kegiatan diadakan termasuk pemeriksaan kesihatan percuma selain gotong royong membersihkan kawasan masjid dan surau serta menanam 50 pokok bagi tujuan penghijauan kawasan sekitar.

Turut diadakan sesi kaumseling kepada pelajar sekolah sebagai



Aminuddin beramah mesra dan memberi kata-kata nasihat serta perangsang kepada mahasiswa.



Aminuddin (tengah) bersama mahasiswa UMP yang menjayakan Kempen Sikamat Sihat.  
(Foto Mohd Amin Jalil/BH)

usaha menanam motivasi kepada mereka untuk berjaya dalam pelajaran.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun dalam penutupan program berkenaan menggesa supaya aktiviti kesukarelawan sentiasa menjadi identiti mahasiswa.

"Status mahasiswa sebagai golongan berpendidikan tinggi harus

diterjemahkan dalam masyarakat supaya ia boleh dijadikan contoh terbaik kepada orang lain.

"Program sebegini juga mampu melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab terhadap isu sosial kerana mereka perlu membabitkan diri secara langsung bagi membantu menyelesaikan masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat," katanya.